

informika

Jurnal Peradaban Informasi Dan Ilmu

Tema : Sentuhan Intelektual Membaca Karya-karya Besar

Informika
Jilid 2, 2013

Penerbit

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Sidang Editor

Shaharom TM Sulaiman (Ketua)
Wan Ab. Kadir Wan Dollah (Timbalan Ketua Editor)

Editor Pelaksana

Mohamad Noorman Masrek
Siti Arpah Noordin
Mohd Jailani Paiman
Husain Hashim
Hasnah Hashim
Mohd Sazili Shahibi

Editor

Prof. Dr. Adnan Jamaludin – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar – Universiti Teknologi MARA
Prof. Madya Dr. Rusnah Johare – Universiti Teknologi MARA
Prof. Dr. Sohaimi Zakaria – Universiti Teknologi MARA
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob – Universiti Teknologi MARA

Editor Perunding

Prof. Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar – Universiti Brunei Darussalam
Prof. Dr. Ding Choo Ming – Universiti Kebangsaan Malaysia
Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah – Universiti Malaysia Kelantan
Dr. Roosfa Hashim – Universiti Kebangsaan Malaysia
Dr. Wan Ali Wan Mamat – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Alamat Penerbit

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
(Tel.: 03-79622020 Faks.: 03-79622007)

Harga : RM 20 (Malaysia)
: USD 20 (Luar Negara)

INFORMIKA
JILID 2, 2013
ISSN 2231-7104

Bil	Kandungan	M/S
1	Sentuhan Intelektual Membaca Karya-Karya Agung Melayu <i>Ding Choo Ming</i>	1-20
2	Perpustakaan Pembina Tamadun <i>Muhammad Hj. Salleh</i>	21-24
3	Penerbitan Popular dan Penerbitan Ilmiah: Sejauh Mana Membentuk Minat Membaca Masyarakat <i>Zulkarnain Zakaria</i>	25-36
4	Ilmu dan Ilmu Pengetahuan dari Perspektif Islam <i>Norasiah Haji Harun</i>	37-42
5	Peranan Perpustakaan-perpustakaan Luar Bandar dalam Pembentukan Modal Insan yang Bernilai Tinggi <i>Norehan Ahmad dan Haliza Yahaya</i>	43-54
6	Kajian Etnografi Tingkah Laku Maklumat Pesalah Juvana Lelaki di Malaysia <i>Ezza Rafeedziawati Kamal Rafeedzi, Abrizah Abdullah dan Nur Khairunnisha Zainal</i>	55-68
7	Memaksimumkan Pengguna Pusat Sumber Sekolah (PSS) Sebagai Agen Kecemerlangan Akademik <i>Zailani Shafie, Nor Ezan Omar dan Nor Diana Abd Rahman</i>	69-78
8	Pengabstrakan dan Pengindeksan di Malaysia: Satu Tinjauan <i>Abd Rashid Abd Rahman, Fuziah Mohd Nadzar dan Rosnita Sahrani</i>	79-94
9	Persepsi Terhadap Kredibiliti Maklumat di Internet dari Kalangan Generasi Muda Melayu (Pelajar UiTM) <i>Mohd Sazili Shahibi, Mazwani Ayu Mazlan, Hamka Mohd Noor dan Muhammad Saufi Mohd Hanafiah</i>	95-101
ULASAN BUKU		
1	Tokoh-tokoh Negara dari Kacamata Pustakawan <i>Shaharom TM Sulaiman</i>	103-104
2	Perpustakaan Digital: Isu dan Cabaran <i>Shaharom TM Sulaiman</i>	105-106

Suggested Cataloguing-in-Publication Data

Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu

Vol. 2 (2013) -

Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat

ISSN 2231-7104

1. Library science - Periodicals.
2. Library Science - Malaysia - Periodicals
3. Library science - Developing countries - Periodicals. I. FPM II.Z671

©2013 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

Pendapat dalam makalah yang disiarkan tidak semestinya mewakili pendapat Editor jurnal ini atau pengurusan pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

PENERBITAN POPULAR DAN PENERBITAN ILMIAH: SEJAUH MANA MEMBENTUK MINAT MEMBACA MASYARAKAT

Zulkarnain Zakaria

Pengarang Kanan, Unit Majalah Umum

Utusan Karya Sdn. Bhd.

Kompleks Sri Utusan, Lot 6, Jalan P/10,

Kawasan Perusahaan Bangi,

Seksyen 10, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

ABSTRAK : Artikel ini membincangkan isu penerbitan yang sering menjadi perdebatan pada hari ini iaitu penerbitan popular berbanding penerbitan ilmiah dalam mempengaruhi sikap dan amalan budaya membaca. Juga menceritakan kemungkinan-kemungkinan senario baru penerbitan yang diwarnai oleh perkembangan teknologi baru.

Kata kunci: Penerbitan popular; Penerbitan ilmiah; Minat membaca

PENDAHULUAN

Utusan Karya Sdn. Bhd. (UKSB) merupakan anak syarikat kepada Kumpulan Utusan Berhad, dan ditubuhkan secara rasminya pada 1 Oktober 2003 bagi menerbitkan majalah-majalah keluaran Utusan.

Dari segi sejarah, sebenarnya UKSB bermula daripada Bahagian Majalah, Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., (UMMB) iaitu salah satu bahagian dalam Jabatan Pengarang, UMMB. Bahagian Majalah dipisahkan daripada Bahagian Akhbar dengan memberi penumpuan kepada penerbitan majalah sahaja.

Bagi mengetahui dengan lebih jelas tentang UKSB, seseorang itu perlu memahami terlebih dahulu sejarah penerbitan majalah-majalah keluaran Utusan. Ia bermula pada Jun 1941 melalui majalah Mastika, iaitu dua tahun selepas Utusan Melayu diterbitkan pada Mei 1939 dan Utusan Zaman tidak lama kemudiannya. Ketika itu Utusan beribu pejabat di Singapura.

Dasar Mastika pada ketika itu ialah untuk mencari keuntungan perniagaan, tetapi isi kandungannya kemudian mula berkembang kepada mendefinisikan apa dan siapa itu Melayu, membersihkan orang-orang Melayu daripada amalan-amalan serta kepercayaan kolot, meningkatkan keyakinan diri mereka, mengajak orang Melayu memajukan ekonomi dan menyuburkan semangat kebangsaan bagi mencapai kemerdekaan. Semua dasar penerbitan Mastika ini disebarluaskan dalam pelbagai bentuk karya, khususnya cerpen (sebenarnya pada ketika itu agak panjang) dan puisi, khususnya syair serta gurindam.

Penerbitan majalah oleh Utusan memasuki fasa baru pada 1969 apabila Bahagian Majalah diwujudkan dan mula mengeluarkan lebih banyak lagi majalah. Ia dimulai dengan Wanita, kemudiannya URTV, UFF, Selecta Femina, Utusan Pelajar, Dunia Sukan, Cipta, Kiblat, Al Islam. Ketika itu Utusan tidak lagi beroperasi Singapura, sebaliknya di Kuala Lumpur selepas berpindah pada Februari 1958 ekoran kemerdekaan Malaya daripada jajahan Inggeris.

Pada zaman tersebut majalah-majalah keluaran Utusan mendominasi industri kerana ketika itu jumlah penerbit-penerbit majalah yang ada di negara ini masih terlalu kecil. Majalah-

majalah yang disebutkan tadi sebahagiannya masih lagi wujud, manakala sebahagian lagi telah ditamatkan penerbitannya kerana masalah-masalah tertentu.

Pertengahan 1990-an adalah era yang paling menarik dan sangat penting kepada Bahagian Majalah. Utusan yang ketika itu dipimpin oleh Ketua Pengarang, Datuk Johan Jaaffar (bekas ketua Bahagian Majalah Dewan Bahasa dan Pustaka) telah menggerakkan inisiatif menerbitkan lebih banyak lagi majalah dan menggantikan majalah-majalah yang sedang nazak dan telah ditutup. Antaranya ialah Massa yang berkonsepkan semi ilmiah (isu-isu semasa), Saji (masakan), Cerdas Pintar serta Kawan (kedua-duanya untuk pelajar sekolah rendah), Mangga (hiburan), Hai (hiburan dan sukan), Karya (sastera) dan Jurnal Pemikir (ilmiah).

Pertengahan 1990-an hingga awal 2000-an, adalah tempoh yang amat subur kepada penerbitan majalah-majalah Utusan. Ketika itulah industri permajalahahan negara berada di kemuncaknya dengan majalah-majalah tertentu mencatatkan jumlah jualan yang di luar jangkaan. Mastika misalnya pernah mencatat jualan bersih sehingga hampir mencecah 320,000 naskhah sebulan manakala Mangga, sekitar 300,000 naskhah sebulan. Begitu juga dengan Wanita dan URTV (120,000-150,000 bagi setiap keluaran).

Situasi ini dibantu oleh banyak faktor, terutamanya industri majalah yang masih dalam fasa 'pembesaran' serta iklim ekonomi global yang sedang memuncak. Majalah-majalah ini juga mencatatkan pungutan iklan yang menakjubkan, dengan catatan jutaan ringgit setiap tahun. Kutipan iklan memberikan sumbangan yang besar kepada keuntungan Kumpulan Utusan.

Memandangkan pencapaian jualan dan kutipan iklan yang memberangsangkan pada setiap tahun itulah, maka Bahagian Majalah dipisahkan daripada Jabatan Pengarang UMMB, untuk menjadi sebuah entiti bisnes yang tersendiri, iaitu UKSB, mulai 1 Oktober 2003. Selain itu, strategi-strategi perniagaan berdasarkan peluang, ancaman, kekuatan dan kelemahan yang ada, juga menyebabkan pihak pengurusan Utusan merasakan bahawa UKSB perlu ditubuhkan menjadi suatu entiti perniagaan baru, agar ia menjadi lebih fokus dan berdikari.

Majalah-majalah yang diterbitkan oleh UKSB ketika itu adalah Mastika, Wanita, Hai, Remix, Mangga, URTV, Saji, Kawan, Rias, Umph, i-Sihat, Al Islam, Harmoni dan Jurnal Pemikir.

2011: Ketika ini UKSB menerbitkan 10 majalah dan satu jurnal. Kesemua majalah-majalah ini dikelompokkan dalam tiga unit iaitu Unit Majalah Umum, Unit Majalah Keluarga dan Unit Majalah Hiburan, yang setiap satunya dipimpin oleh seorang Pengarang Kanan.

Unit Majalah Umum mengandungi majalah Mastika, Al Islam, Infiniti dan Jurnal Pemikir. Majalah Wanita, Harmoni, I-Sihat dan Saji di bawah Unit Majalah Keluarga, manakala Hai, URTV dan Mangga dalam Unit Majalah Hiburan.

Selain itu, UKSB juga menerbitkan buku-buku koleksi khas sebagai cabang baru dalam perniagaannya. Antaranya ialah kisah-kisah dari Mekah, cerita-cerita misteri, resipi masakan, direktori perkahwinan dan sebagainya. Penerbitan buku-buku popular ini sedang dan akan terus berkembang dari semasa ke semasa.

SAMBUTAN PEMBACA

Daripada senarai majalah-majalah yang diterbitkan oleh UKSB tadi, boleh dirumuskan bahawa kesemuanya bersifat popular, kecuali Jurnal pemikir. Majalah-majalah seperti Al Islam dan Massa boleh kita kategorikan sebagai majalah ilmiah-popular, iaitu menyiar artikel-artikel ilmiah, isu semasa dan analitikal, tetapi dalam pendekatan popular serta diedarkan secara meluas dan terbuka.

Majalah-majalah tadi, baik dalam kategori gender, golongan pendapatan dan latar belakang apa pun, semuanya menampilkan tulisan-tulisan yang mudah dibaca, menghiburkan, kreatif serta informatif.

Mengapa majalah-majalah dan jurnal ini diterbitkan? Selain tujuan perniagaan, ia juga diterbitkan untuk menghibur, mendidik, memberi ilmu dan maklumat serta serba sedikit meluaskan dasar-dasar Utusan kepada masyarakat. Di atas semua itu, majalah-majalah tersebut juga diterbitkan bagi menggalakkan minat membaca di kalangan masyarakat.

Suatu hal yang perlu sentiasa diingat ialah majalah dan akhbar berbeza peranan serta fungsinya. Akhbar boleh dianggap bahan bacaan yang wajib dibaca kerana ia merupakan media cetak terpenting bagi menyebarkan maklumat mengenai perkembangan semasa. Tanpa akhbar, kita akan menjadi manusia yang kosong maklumat. Tidak kira sama ada akhbar itu diterbitkan dalam bahasa apa pun, ia wajib dibaca.

Ini berbeza dengan majalah. Majalah bukan bacaan wajib, tetapi bacaan pilihan. Oleh kerana itu, ia perlu dipersembahkan dengan cara yang menarik minat pembaca, kreatif dan menghiburkan. Majalah juga mesti menampilkan bahan-bahan yang tidak disiarkan oleh akhbar, menggunakan laras bahasa tersendiri dan menggunakan bahan cetak yang lebih berkualiti. Sudah tentu, harganya lebih mahal daripada akhbar.

Oleh kerana sifatnya yang tersendiri itu, didorong pula oleh kepentingan perniagaan serta gaya hidup dan minat masyarakat, maka tidak boleh tidak, penerbitan popular seperti majalah perlu memasukkan unsur sensasi, kontroversi dan gosip.

Oleh sebab itu - dan dalam konteks perbincangan kita pada hari ini - maka adalah tidak adil jika kita membandingkan kandungan akhbar dalam ruang lingkup maklumat serta peranannya, dengan majalah. Ini kerana kedua-dua media cetak ini menjalankan peranan yang berbeza. Majalah diterbitkan untuk mengisi 'kelompongan' maklumat, kreativiti, sasaran pembaca dan minat masyarakat, yang tidak dapat ditampung oleh akhbar.

Oleh kerana itu juga, adalah tidak adil kalau diberikan konotasi negatif kepada majalah, kononnya majalah hanya bertujuan mengutip keuntungan, mengkhayalkan, tidak mendidik minda positif, mengarut, ringan dan sebagainya. Tanggapan segelintir cerdik pandai kononnya penerbitan popular seperti majalah sebagai bacaan picisan – sedangkan yang patut dibaca hanyalah akhbar dan buku dan majalah ilmiah serta akademik sahaja – adalah suatu tanggapan yang sangat berat dan melampau.

Hakikatnya ialah bertitik tolak daripada persepsi yang salah itulah sebenarnya penerbitan-penerbitan popular ini membajai minat membaca di kalangan masyarakat. Beberapa majalah terbitan UKSB adalah contoh terbaik untuk dijadikan kajian atau testimoni.

Mastika misalnya, ia merupakan majalah yang disenangi dan diminati oleh masyarakat sejak dahulu lagi. Sejak diterbitkan, Mastika sentiasa mendapat sambutan pembaca. Pada

tahun-tahun 1960an hingga 1980an, ia mencatat jualan yang baik, sekitar 30,000 - 50,000 naskhah sebulan. Ketika itu Mastika menampilkan konsep dan artikel-artikel sastera serta isu-isu semasa, dengan saiz kompak seperti yang ada pada hari ini.

Bagaimanapun, apabila konsepnya diubah kepada semi akademik, serius dan ilmiah (seperti Dewan Masyarakat) mulai awal 1990-an, Mastika beransur-ansur memasuki zaman gerhana yang amat menyakitkan. Jualannya merosot begitu drastik sekali, hingga ke paras 6,000 naskhah sebulan. Ini menyebabkan pihak pengurusan mengambil keputusan yang amat berat sekali iaitu untuk menamatkan penerbitannya.

Menerbitkan Mastika ketika itu bererti Utusan perlu bersedia untuk terus menanggung kerugian pada setiap bulan. Ia suatu tindakan yang kurang bijak bagi sesebuah syarikat perniagaan. Lalu, mahu tidak mahu, Mastika terpaksa ditamatkan riwayatnya.

Bagaimanapun, pada saat yang kritikal itulah Datuk Johan Jaaffar dan Timbalannya, Datuk Khalid Mohd. telah menukar keputusan tersebut, iaitu menyerahkan kerusi Pengarang Mastika kepada seorang wartawan senior, Zainol Fakir. Kalau gagal juga, Mastika akan terus dikuburkan. Sidang redaksi Mastika pula dipindahkan ke majalah Massa yang baru diterbitkan.

Bermula dari Zainol Fakirlah, mulai September 1995 Mastika mengubah konsepnya kepada bentuk '*human interest*', iaitu memaparkan kisah-kisah gelagat hidup manusia dalam gaya yang lebih ringan, bersaiz kompak dan bercirikan majalah Reader's Digest. Mastika ketika itu dibentuk untuk menjadi majalah seisi keluarga. Biarpun pada awalnya Mastika ketika itu lebih berbentuk ilmiah ringan, berkisar kepada persoalan 'Apakah itu' dan dijalankan dengan artikel-artikel *human interest*, jualannya mula meningkat kepada 15,000 – 20,00 naskhah sebulan.

Titik perubahan nyawa Mastika berlaku pada penghujung 1996 apabila ia memperkenalkan cerita-cerita mayat. Kisah itu, yang mula disiarkan pada Oktober 1996, membawa satu kejutan besar kepada masyarakat, lebih-lebih lagi kepada pembaca media cetak berbahasa Melayu. Ini kerana, khalayak tidak pernah dihidangkan dengan kisah-kisah yang menginsafkan, aneh dan mengejutkan yang sebegini sifatnya, yang sebelum itu dianggap sebagai tabu.

Ini ditambah pula dengan kisah-kisah aneh dari Mekah pada bulan berikutnya, kemudian kolumn sakaratul maut, tragedi, nostalgia dan sebagainya. Kesemua cerita-cerita ini dipersembahkan dengan gaya yang sangat kreatif, mudah dibaca dan dekat dengan hati pembaca. Gaya persembahan yang bersifat naratif, deskriptif serta memvisualkan kembali kejadian-kejadian tersebut, adalah suatu gaya baru yang tidak diduga oleh pembaca.

Hasilnya, tiada siapa yang menyangka, majalah yang dulunya cuma terjual 6,000 naskhah dan sudah diputuskan untuk ditamatkan riwayatnya tiba-tiba melonjakkan jualan kepada 50,000, kemudian 100,000, 150,000, 200,000 dan akhirnya mencecah hampir 320,000 naskhah sebulan (Julai 2001). Dari jumlah jualan itu, Mastika mencatatkan sekitar 1.2 juta - 1.5 juta orang pembaca (readership) setiap keluaran.

Pembaca itu pula merangkumi semua golongan masyarakat, dari kanak-kanak hingga yang telah bersara, juga semua tahap pendapatan dan latar belakang pendidikan. Malah sangat mengejutkan, Mastika turut dibaca oleh masyarakat bukan Melayu dan bukan Islam.

Semua ini tercatat dalam laporan Audit Bereau Circulation (ABC). Sesuatu yang amat membanggakan dengan pencapaian Mastika ialah, ia merupakan satu-satunya majalah yang berjaya memotong penguasaan majalah-majalah hiburan dalam industri permajalah negara.

Penguasaan Mastika ini terus bertahan sampai sekarang. Walaupun kini jualan Mastika tidak lagi mencapai angka tersebut, namun ia masih terus mengekalkan rekod sebagai majalah tertua dan tertinggi edarannya di negara ini. Tentunya ia suatu rekod dan legenda yang patut kita semua banggakan.

Begitu jugalah dengan majalah-majalah lain. Seperti yang telah disebutkan tadi, majalah Mangga pernah mencatat jualan melebihi 300,000 naskhah, URTV dan Wanita 150,000 naskhah, Harmoni 80,000 naskhah, Saji 100,000 naskhah dalam isu-isu tertentu. Semua majalah-majalah keluaran UKSB ini mempunyai pembaca yang sangat besar jumlahnya.

APAKAH MAJALAHINI TIDAK MENCAMBAHKAN MINAT MEMBACA?

Persoalan ini memang perlu dijawab. Tidak syak lagi, angka-angka jualan majalah-majalah itu tadi dengan sendirinya menyerahkan hakikat bahawa ia menyuburkan minat membaca di kalangan masyarakat.

Majalah adalah bahan bacaan santai seisi keluarga. Sesebuah majalah turut dibaca oleh dua hingga lima orang pembaca lain. Bayangkan berapa ramainya jumlah pembaca sesebuah majalah itu jika jualannya mencecah 300,000 dalam setiap keluaran.

Mastika misalnya, telah menjadi satu fenomena dalam industri permajalah negara. Cerita-cerita mayat, Mekah, sakaratul maut dan isu-isu sosialnya juga adalah sebuah fenomena yang kekal sehingga ke hari ini. Bukan sekadar itu, Mastika juga memainkan peranan yang cukup besar dalam membawa pembaca-pembacanya untuk terlibat sama dalam isu-isu yang dikemukakannya.

Dengan pengaruhnya yang begitū besar itulah Mastika berjaya memobilisasi minat membaca khalayaknya untuk turut serta dalam usaha menangani isu Black Metal hingga dibahaskan di Parlimen dan seterusnya dikeluarkan fatwa pengharaman budaya dan ideologi tersebut di negara ini.

Mastika juga, selepas memupuk minat membaca yang kuat di kalangan pembacanya, mengajak khalayaknya tadi untuk sama-sama menangani isu keruntuhan moral seperti perlakuan tidak senonoh di taman-taman rekreasi, penyalahgunaan laman sosial Internet, kekejaman terhadap wanita, punk, skinhead, homoseksual, ajaran sesat, murtad dan sebagainya.

Semua ini dilakukan dengan cara mengukuhkan minat membaca di kalangan pembacanya dan mengikat keyakinan mereka terlebih dahulu.

BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MENAMBAHKAN PEMBACA?

Dalam seni penulisan, kepada kami, sesuatu bahan/tulisan itu terbahagi kepada dua. Pertama, ‘Apa yang hendak dibaca oleh khalayak.’ Kedua, ‘Apa yang kita/penerbit mahu dibaca oleh khalayak.’ Maka, bagi memastikan sesuatu majalah itu mencapai motif penerbitannya, ia perlu menggabungkan kedua-dua kategori ini. Kemudian, persembahkan ‘apa yang kita/penerbit mahu dibaca oleh khalayak’ dalam gaya ‘yang mahu dibaca oleh khalayak.’

Bertolak dari premis inilah majalah-majalah popular dan Mastika bergerak. Apa yang dimahukan oleh pembaca? Antaranya, kisah-kisah seram dan misteri. Pembaca juga mahukan kisah lucu, tragis dan emosi. Semua itu bersifat ringan, mudah, menyentuh perasaan dan menghiburkan.

Apa pula topik yang kita/penerbit mahu dibaca oleh pembaca? Antaranya kisah-kisah kerohanian, kemanusiaan, persahabatan, motivasi, kasih sayang, sains, penjagaan alam sekitar dan pengetahuan am. Mastika juga mahu supaya masyarakat meninggalkan aktiviti dan ideologi-ideologi yang bercanggah dengan agama, undang-undang serta moral. Malah, Mastika turut mahukan supaya pembaca-pembacanya menyayangi tulisan jawi.

Kesemua topik-topik ini digabungkan dan dipersembahkan dalam bentuk naratif yang menghiburkan, membangkitkan emosi serta tanda tanya, hingga menyebabkan khalayak berminat untuk membaca dan merasakan bahawa Mastika adalah milik mereka.

Sememangnya itulah tujuan penerbitan Mastika. Pertama, memupuk minat membaca di kalangan masyarakat. Kedua, menjadikan Mastika ‘milik kita bersama.’

Apakah fungsi cerita-cerita seram di dalam Mastika? Ramai yang memandang sinis dan mencaci Mastika. Ini berlaku kerana mereka sebenarnya tidak tahu bahawa motif sebenar penyiaran cerita-cerita tersebut, antaranya, adalah sebagai ‘sugar coated’, iaitu ‘umpan’ supaya pembaca membaca cerita-cerita lain.

Perlu dinyatakan, Mastika perlu menyiarkan kisah-kisah sebegini kerana ia termasuk dalam kategori ‘yang mahu dibaca oleh pembaca.’ Sebagai penerbit, kita kena berikan apa yang pembaca mahukan, sedangkan matlamat yang lebih besar ialah supaya mereka membaca ‘apa yang kita mahu mereka baca’.

Mana lebih baik, mereka langsung tidak membaca majalah yang kita terbitkan, atau mereka membaca cerita-cerita seram itu dahulu, yang kemudiannya menyebabkan mereka tertarik untuk membaca artikel-artikel lain yang membawa tema-tema lebih besar dan berat?

Objektif Mastika juga ialah, apabila masyarakat, terutamanya anak-anak, telah dikukuhkan dengan minat membaca, selepas itu mereka bacalah bahan-bahan bacaan yang lain. Terpulang kepada mereka mahu membaca bahan apa pun, sama ada yang berbentuk popular atau ilmiah, yang penting minat membaca itu mesti diterapkan dahulu.

Menjadi hasrat Mastika juga ialah apabila minat membaca itu sudah menjadi darah daging, mereka akan membaca bahan-bahan yang lebih berat, informatif, akademik dan berasaskan hal ehwal semasa. Dasar ini telah ditanam kuat ke dalam setiap kakitangan Mastika semenjak Zainol Fakir menjadi Pengarangnya, dan diteruskan sampai kini.

Mastika bertindak begini kerana akur dengan fitrah kehidupan manusia. Seorang kanak-kanak membesar melalui cerita-cerita lisan dan juga bertulis. Minat membaca mereka kepada ilmu dipupuk dahulu melalui buku-buku cerita, bukan melalui buku teks. Malah pendidikan formal di sekolah Tadika dan rendah juga mengakui hakikat ini dan mempraktikkannya. Apabila minat membaca itu sudah ada, barulah mereka membaca buku-buku teks, akhbar, novel dan majalah.

Begitu jugalah dengan majalah-majalah lain terbitan UKSB. Walaupun ia berbentuk kewanitaan, keluarga, mahu pun hiburan, tidak dinafikan banyak artikelnya yang berbentuk gosip, panas, kontroversi, sensasi dan emosi, tetapi semua itu ditulis untuk menyuburkan minat membaca di kalangan masyarakat.

Untuk memahami topik ini dengan lebih jelas, adalah elok kalau dilonjakkan satu persoalan: Kalau penerbitan majalah-majalah popular ini dianggap kotor dan merosakkan, adakah penerbitan majalah-majalah semi akademik dan ilmiah dibaca dan berjaya memupuk minat membaca di kalangan masyarakat? Inilah persoalan yang perlu direnung oleh semua pihak.

Sekali lagi Mastika boleh dijadikan testimoni. Majalah ini pernah menampung kerugian yang teruk pada pertengahan 1990-an semasa ia mengutarakan konsep semi ilmiah. Massa juga menerima nasib yang sama, malah lebih teruk lagi kerana ia diterbitkan seminggu sekali.

Sejak diterbitkan pada Julai 1995, Massa terus-terusan menanggung kerugian. Pada Jun 2004 apabila UKSB mengambil keputusan untuk menutupnya, Massa menanggung kerugian ratusan ribu ringgit setiap tahun sepanjang sembilan tahun penerbitannya.

Malah, majalah Al Islam sebenarnya turut hampir menemui nasib yang sama kerana jualan yang rendah. Pada suatu ketika, Al Islam menanggung kerugian yang besar hingga penerbitannya dimasukkan ke dalam kategori, ‘tanggung jawab sosial’ semata-mata. Bukan untuk membawa keuntungan lagi, tetapi demi ilmu. Ertinya, kepada UKSB, ‘*Tidak apalah kita rugi, yang lebih penting kita menjalankan tanggungjawab sebagai pengamal media.*’

Bagaimanapun, pada penghujung 2008, satu perubahan dilakukan ke atas isi kandungan dan konsep. Hasilnya, kini jualan Al Islam meningkat hampir tiga kali ganda dan menjadi salah satu penyumbang besar kepada keuntungan UKSB.

Bagaimana Al Islam melakukannya? Antaranya, dengan menerapkan sebahagian daripada formula kejayaan Mastika dan kedua, menggabungkan kepentingan perniagaan dengan kepentingan masyarakat.

Nasib Jurnal Pemikir juga malang. Sejak diterbitkan pada Julai 1995, jurnal ilmiah tiga bulan sekali ini terus-terusan menanggung kerugian. Jualannya tidak pernah mencecah lebih daripada 1,000 naskhah sebulan. Sekarang ini pun sekitar 600 naskhah sahaja sebulan.

SUMBANGAN

Berdasarkan angka jualan majalah-majalah yang dinyatakan itu, mungkin elok kalau kita tanyakan, penerbitan manakah yang membentuk minat membaca masyarakat? Penerbitan popular atau ilmiah? Walaupun persoalan itu agak provokatif, tetapi wajar ditanya dan dijawab secara jujur.

Tentulah aneh kerana penerbitan popular ini, terutama sekali Mastika, sering saja diperlekehkan oleh golongan cerdik pandai, para profesor dan pensyarah di negara ini.

Perlu disebutkan, pada waktu ini mungkin terdapat sekitar 25,000 orang pensyarah di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Jumlah pensyarah di IPT swasta pula mungkin sekitar 18,000 (1). Daripada jumlah itu, kira-kira lebih 10,000 (2) pensyarah IPTA dan IPTS sudah mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (Ph. D). Itu tidak termasuk lagi para cendekiawan yang telah bersara atau tidak terlibat dalam bidang pendidikan.

Jumlah komuniti cerdik pandai ini sangat besar dan mengagumkan. Tetapi timbul persoalan, mengapa majalah-majalah semi akademik seperti Massa terpaksa dikuburkan? Mengapa Jurnal Pemikir hanya 600 naskhah saja terjual?

Perlu dinyatakan juga di sini, sebahagian besar daripada pembeli Jurnal Pemikir adalah perpustakaan dan badan-badan korporat. Mereka inilah yang melanggan jurnal tersebut setiap keluaran. Dalam hal ini, adalah sangat dialu-alukan jika golongan cerdik pandai kita ini menyokong penerbitan majalah-majalah semi akademik tadi, antaranya dengan membeli dan menyumbangkan tulisan mereka.

KEJAYAAN

Kunci utama penerbitan popular, khususnya majalah, dalam memupuk minat membaca masyarakat adalah kejayaannya menyusup jauh ke tangan pembaca. Tebarannya yang besar dan ke segenap pelosok negara menyebabkan ia mudah diperolehi pembaca. Ini suatu hakikat yang tidak mampu dilakukan oleh penerbitan ilmiah.

Sebagai contoh, tidak ramai yang tahu, berdasarkan usaha Mastika itu telah ramai pembacanya yang memeluk Islam dan meninggalkan aktiviti tidak senonoh. Artikel-artikel Mastika itu juga telah menyebabkan ramai pembacanya yang kembali menunaikan tuntutan agama, membantalkan hasrat untuk murtad, membunuh diri dan kembali menyayangi orang yang dahulunya mereka benci.

Kejayaan itu turut dicapai melalui pengorbanan penerbit yang meletakkan harga yang murah bagi setiap penerbitan itu. Mastika misalnya, hanya berharga RM3.00 pada 1995, RM3.50 pada tahun 1999, RM3.80 pada 2006 dan sekarang, RM4.00 sahaja. Harga yang rendah itu dipertahankan seberapa lama yang boleh asalkan pembaca yang berpendapatan rendah dapat memiliki, biarpun Utusan/UKSB terpaksa menampung kenaikan kos pengeluaran yang terus melonjak tahun demi tahun.

Selain itu, kejayaan penerbitan popular memupuk minat membaca disumbangkan oleh gaya persembahannya yang mudah. Laras bahasa ‘inhouse’ yang tidak mengikut laras bahasa DBP menyebabkan ia lebih senang dibaca dan mesra pembaca.

CABARAN

Sekitar penghujung 1990-an dan awal 2000, industri majalah menjadi semakin pesat. Semakin banyak syarikat penerbitan wujud dan semakin banyak majalah diterbitkan. Ia merupakan suatu perkembangan yang sangat positif kepada industri perbukuan dan permajalah, juga kepada budaya membaca di negara ini.

Bagaimanapun, bermula sekitar tahun 2005, apabila teknologi Internet, televisyen berbayar dan telefon bimbit (3) mula menyusup serta ‘menyerang’, Industri majalah telah berhadapan dengan zaman yang amat mencabar. Kemerosotan ekonomi yang menyebabkan kuasa beli menyusut, ditekan lagi dengan kos pengeluaran serta cetakan yang meningkat, mengakibatkan industri majalah menghadapi kemerosotan yang sukar dikekang.

Mulai tahun itu, secara amnya jualan majalah dan akhbar di seluruh dunia mula merosot. Begitu juga di negara ini. Walaupun ada majalah-majalah yang mencatatkan peningkatan jualan, namun secara keseluruhannya adalah negatif, tahun demi tahun.

Ini merupakan satu perkembangan yang tidak baik kepada budaya membaca. Ditambah lagi dengan cabaran generasi Y dan Z, yang tidak menganggap membaca sebagai satu tabiat yang penting.

Perlu diketahui, kebanyakannya pengusaha dan pembeli majalah pada waktu ini adalah mereka yang digolongkan dalam kategori Generasi X (lahir antara 1965-1982) dan yang lahir sebelum tahun-tahun tersebut. Mereka ini berusia sekitar 30 tahun ke atas.

Bagaimanapun, generasi paling besar di dunia sekarang ini adalah Generasi Y (lahir antara 1977-1997) dan Z (selepas 1997).

Generasi X dan generasi sebelumnya adalah pencipta dan pengguna komputer serta Internet. Mereka menganggap sesiapa saja boleh menggunakan Internet tanpa memerlukan kepakaran. Mereka juga adalah digital immigrant dan lebih suka membaca bahan bacaan bercetak.

Bagaimanapun, Generasi Y adalah mereka yang lahir ketika teknologi Internet dan pelbagai gajet lagi baru mula dicipta. Apabila usia meningkat, mereka menjadi ‘digital native’ yang hidup bersama Internet serta gajet-gajet tadi.

Generasi Y ini adalah ‘Generasi yang menggunakan komputer, mendengar lagu melalui iPod/Komputer dan menonton TV secara serentak.’ Digelar juga sebagai Generasi Milenium. Budaya hidup mereka adalah pantas, suka dengan hiburan, tidak suka kepada perkara-perkara yang memeningkan kepala, aktif berkomuniti dan bersosial serta kreatif.

Mereka tidak suka membaca kerana ia memakan masa dan memenatkan kepala. Mereka sebaliknya lebih suka melihat, mendengar serta berinteraksi secara lisan dan maya bukannya membaca dan berfikir. Oleh sebab itu, mereka menganggap bahawa menghabiskan wang untuk berkomuniti serta bersosial, misalnya membeli kad pra-bayar telefon bimbit, adalah lebih penting dan berharga daripada membeli majalah serta buku.

Generasi Z pula, yang ketika ini masih kecil, digelar juga sebagai Generasi Net. Mereka ini lahir ketika komputer serta pelbagai teknologi komunikasi seperti pemain MP4,

Plasystation, YouTube, Facebook, Friendster dan sebagainya telah menjadi komponen penting dalam kehidupan kita. Kehidupan mereka semuanya komputer, Internet dan gajet. Peralatan-peralatan itu pula kini boleh mereka masukkan ke dalam poket.

Ringkasnya, Generasi Y dan Z adalah generasi yang kurang minat membaca dan ‘tidak boleh hidup’ tanpa komputer, Internet dan gajet, umpama ikan dengan air. Lebih serius lagi, ramai yang menghidapi ketagihan hiburan dan IT (4). Inilah sebenarnya cabaran yang sedang kita hadapi, iaitu memupuk kembali minat membaca di kalangan generasi Y dan Z. Internet dan gajet memang mempunyai banyak kebaikannya, namun ia juga tanpa disedari telah menghakis minat membaca di kalangan generasi muda.

Kini dianggarkan generasi X dan Y mewakili 42 peratus daripada penduduk Malaysia, manakala Generasi Z, 38 peratus.

KESIMPULAN

Sumbangan penerbitan popular dalam memupuk minat membaca masyarakat adalah sangat besar, tetapi sering dipertikai dan dipandang rendah. Malah penerbitan-penerbitan popularlah yang banyak memberi sumbangsahtera kepada minat membaca bahan-bahan ilmiah, kerana penerbitan-penerbitan popular ini sering menyatakan kolumn khas yang membicarakan tentang dunia penulis dan buku-buku ilmiah (resensi).

Bagaimanapun, berdasarkan fakta-fakta yang disebutkan tadi, masa depan budaya membaca di tangan Generasi Y, Z dan seterusnya di dalam masyarakat Malaysia, lebih-lebih lagi bangsa Melayu, amatlah mendebarkan. Ia memberikan bayangan bahawa, penerbitan popular dan ilmiah serta budaya membaca akan menghadapi zaman yang suram.

Usaha untuk menyuburkan budaya ini perlu dilakukan terus menerus, terutama di kalangan generasi muda. Di samping itu, bantuan serta insentif yang sewajarnya perlu diberikan oleh pihak berkuasa agar syarikat-syarikat penerbitan serta para penulis menjadi lebih produktif. Dalam masa yang sama, perubahan operasi, hala tuju dan persembahan tulisan yang benar-benar menakjubkan perlu dilakukan oleh semua pihak yang terlibat dalam bidang penerbitan.

Terakhir, ‘minat’ adalah kesukaan, kecenderungan dan keinginan terhadap sesuatu (5). Minat juga membawa maksud hobi atau kegemaran. Minat terhadap sesuatu tidak boleh dipaksa atau diada-adakan. Ia lahir secara semula jadi. Ini bererti, meminati dan menyukai sesuatu adalah suatu perasaan halus dari hati yang terbit secara semula jadi. Ia lahir tanpa dipaksa atau diada-adakan.

Maka, bagi memupuk minat membaca masyarakat, suatu perkara yang mesti dilakukan ialah menghasilkan bahan-bahan bacaan yang mempunyai kualiti ‘diminati’ – iaitu disukai kerana keindahan, kelainan, keunikan dan keistimewaannya – sehingga ia dibaca tanpa dipaksa-paksa, atau dibaca semata-mata kerana urusan kerja dan pengajian. Membaca bahan-bahan bacaan kerana terpaksa atas urusan kerja atau pengajian, bukanlah suatu minat. Ia sebaliknya suatu ‘beban’.

Justeru, bagi menambahkan minat membaca masyarakat terhadap bahan-bahan bacaan ilmiah, salah satu cara yang sesuai dilakukan ialah dengan menggabungkan sebahagian

daripada ciri-ciri penulisan popular ke dalam penulisan ilmiah. Ertinya, kita memudahkan yang susah, meringankan yang berat dan meluruskan jalan yang berserabut serta bersimpang-siur.

Dalam masa yang sama, penerbitan-penerbitan popular pula wajar menerapkan bahan-bahan berilmu di dalam tulisan yang dihasilkan, agar masyarakat merasakan membaca bahan-bahan ilmiah itu adalah suatu keseronokan.

RUJUKAN DAN NOTA KAKI

1. Kosmo, 20 April 2007, Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Dr. Adham Baba memberitahu, kajian kementerian tersebut mendapati pada ketika itu terdapat kira-kira 20,000 pensyarah berkhidmat di 20 buah IPTA dan 15,000 orang di IPTS. Kosmo, 18 Januari 2008, `Ketandusan pensyarah berkelayakan Ph.D' pula melaporkan Timbalan Menteri, KPT, Datuk Ong Tee Keat memberitahu, pada waktu tersebut terdapat 21,000 orang pensyarah di IPTA di seluruh negara. Perkembangan bidang pendidikan tinggi di negara ini yang sentiasa berkembang setiap tahun menunjukkan jumlah pensyarah di IPTA dan IPTS juga sentiasa meningkat. Bagaimanapun penulis tidak memperoleh jumlah yang setepatnya daripada pihak-pihak yang berkaitan.
2. Kosmo, 29 September 2009, `Pensyarah berkelulusan Ph.D di IPTA meningkat', melaporkan bahawa pada ketika itu terdapat sejumlah 8,132 pensyarah di IPTA yang mempunyai kelulusan ijazah Doktor Falsafah (Ph.D). Roosfa Hashim, Utusan Malaysia, 11 Januari 2011, `Cabaran melahirkan pemegang ijazah Ph.D.' pula menyebut, selain 8,132 pensyarah IPTA tadi, terdapat seramai 2,116 graduan kelulusan Ph. D telah dilahirkan oleh IPTS. Projek MyBrain15 yang dijalankan oleh KPT pula kini sedang menggerakkan tenaga bagi melahirkan 48,000 pemegang ijazah Ph.D menjelang 2020.
3. Profesor Diraja Ungku Aziz, Utusan, 3 Mei 2010, `Internet, televisyen 'musuh buku'', menyatakan teknologi media dan gajet itu telah menghakis budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu, beliau turut menyarankan supaya penulis tempatan membanyakkan penghasilan buku dengan penulisan yang menarik dan sedikit kontroversi agar menarik minat pembaca.
4. Utusan, 8 Januari 2009, `Penduduk Malaysia ketagihan hiburan, IT', melaporkan kajian syarikat The Nielson Co (M) Sdn. Bhd. menunjukkan bahawa rakyat Malaysia merupakan antara 10 negara utama menggunakan aplikasi multimedia bagi mencari pemilik teknologi hiburan dan tabiat penduduk global. Dalam kajian ke atas 52 buah negara itu, didapati rakyat Malaysia merupakan pengguna Internet yang rakus dan berpengalaman, aktif dalam memuat turun serta melayari kandungan media dan hiburan secara percuma dalam Internet. Mereka sudah sampai ke tahap ketagih. Utusan Malaysia, 14 April 2011, `Penggunaan Internet di Malaysia naik 41 peratus', pula melaporkan bahawa kajian The Nielson Co (M) Sdn. Bhd. mendapati kalangan kumpulan muda yang berumur 20-24 tahun adalah yang paling ramai menggunakan Internet, iaitu 6:10 orang. Kumpulan ini membesar dengan Internet dan menghabiskan masa purata 22.3 jam dalam talian seminggu.

5. Kamus Dewan Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hal. 890.

Nota: Angka-angka jualan, keuntungan dan kerugian jualan majalah-majalah keluaran Utusan serta UKSB yang dicatatkan dalam makalah ini adalah secara purata dan berdasarkan maklumat dalaman. Tiada angka tepat yang boleh diberikan kerana maklumat-maklumat itu diklasifikasikan sebagai sulit.

Tokoh-Tokoh Negara dari Kacamata Pustakawan



Judul Buku : Lensa Kacamata

Penulis : Zahidi Dato' Zainol Rashid

Penerbit : Persatuan Sejarah Malaysia (Cawangan Kedah)

Tahun : 2012

Muka surat : 556 halaman

Pengulas : Shaharom TM Sulaiman

Dalam tradisi kepustakawan di Malaysia, amat jarang golongan pustakawan yang menceburi dalam dunia penulisan. Dr. Zahidi Zainol Rashid merupakan antara segelintir pustakawan yang menceburi bidang tersebut. Di tangannya, pernah lahir buku Mahathir Menjulang Martabat Malaysia, Mahathir Di Mata Umum, dan Che Det dan Pekan Rabu. Minatnya yang mendalam dalam bidang sejarah khususnya sejarah tokoh menyebabkan beliau memberi tumpuan kepada penulisan bercorak biografi.

Dalam buku *Lensa Kacamata*, Zahidi telah mencatat sisi-sisi menarik tokoh-tokoh Negara seperti Tunku Abd. Rahman (Perdana Menteri Pertama) berdasarkan sejarah lisan yang tidak ditemui dalam buku-buku sejarah biografi Tunku. Tokoh-tokoh lain yang turut diliputinya ialah ialah seniman Omar Rojik, kisah tragis Tan Sri Abd. Rahman Hashim (mantan Ketua Polis Negara ketiga), Tun Mohamed Zahir Ismail (bekas Yang Di Pertua Dewan Rakyat yang juga seorang sasterawan), Tun Syed Ahmad Syed Mahmood Shahabuddin (Mantan Yang DiPertua Negeri Melaka) kisah cinta penyanyi tahun 1950an Allahyarham R. Azmi.

Zahidi juga menelusuri tokoh-tokoh yang namanya jarang dikenali tetapi memberi sumbangan dalam bidang tertentu dan mencipta nama di peringkat antarabangsa seperti A.B. Ibrahim (Pelukis kelahiran Kedah), Allahyarham Dr. Katni Kamsono Kibat (Ahli akademik terulung dalam bidang kepustakawan dan pengajian maklumat di Malaysia),


Abd. Halim ‘R’ (Pejuang sastera tradisi), Haji Mat Lala (Ulama yang seangkatan dengan Tok Kenali).

Dalam buku ini, Zahidi telah memperkasa kisah tokoh-tokoh besar Negara dan dalam masa yang sama memperkenalkan tokoh-tokoh ‘kecil’ yang banyak berjasa. Antara yang ‘besar’ dan ‘kecil’ sebenarnya tiada perbezaan, yang pentingnya perlu banyak kajian dan penulisan tentang tokoh-tokoh tersebut agar masyarakat Malaysia mengenalinya dan sumbangan-sumbangan yang telah diberikan. Bak kata Almarhum Sukarno (Mantan Presiden Indonesia), “Bangsa yang tidak mengenal pemikir (termasuk tokoh-tokoh) bangsanya adalah bangsa yang kerdil”. Melalui tokoh-tokoh ini, Zahidi tidak hanya menulis hal-hal ‘rasmi’ sahaja teapi turut memuatkan sisi-sisi menarik kemanusiaan dalam kehidupan tokoh-tokoh tersebut.

Dalam buku ini, Zahidi turut melakarkan pengetahuannya yang meluas dalam bidang sains, sejarah, dan kepustakawan melalui pelbagai tulisan yang menyentuh tersebut. Berdasarkan sejarah tradisi kepustakawan silam khususnya dalam peradaban Islam, para pustakawan adalah seorang ilmuwan kerana terdedah secara langsung dengan dunia ilmu dan perbukuan. Kerana itulah mereka mampu memahami banyak hal berkaitan pelbagai ilmu pengetahuan kerana minat budaya membacanya yang mendalam.

Namun yang menarik dalam buku ini, beliau menceritakan pengalamannya mengunjungi kampung-kampung buku di Eropah iaitu Hay on-Wye (Wales), Redu (Belgium) dan Bredevoort (Belanda). Pengalaman ‘memburu’ buku di kampung buku tentu sekali pengalaman yang unik dan istimewa berbanding pengalaman ‘memburu’ barang-barang di shopping mall atau kompleks-kompleks membeli belah mega. Buku ini sewajarnya dimiliki oleh perpustakaan-perpustakaan di Malaysia kerana ianya di tulis oleh seorang pustakawan yang memberi sumbangan bermakna dalam bidang penulisan.

Perpustakaan Digital : Isu dan Cabaran



Judul Buku	: Digital Libraries: Issues and Challenges
Penyelenggara	: Wan Ab. Kadir Wan Dollah, Mustaffa Darimi, Mohd. Zaihan Hussin, Gopi Ghantan Mylvganam
Penerbit	: UiTM Publication Centre
Tahun	: 2011
Muka surat	: 105 halaman
Pengulas	: Shaharom TM Sulaiman

Banyak nama telah diberikan kepada perpustakaan dalam Abad ke 21. Antaranya; perpustakaan elektronik, perpustakaan maya, perpustakaan digital dan perpustakaan ‘tanpa dinding’. Walau apa pun nama yang diberikan, sedikit sebanyak ada perbezaannya tetapi begitu kecil sehingga penggunaan mana-mana istilah sekalipun boleh membayangkan perkara yang sama. Namun, yang jelasnya perpustakaan-perpustakaan tersebut amat diwarnai oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih.

Koleksi perpustakaannya tentu sekali berorientasikan digital, dan organisasi maklumatnya menggabungkan penggunaan alat-alat elektronik, sumber-sumber maya, pangkalan data dalam talian dan perkhidmatan perpustakaan juga semakin canggih, mudah dan segera. Pokoknya, perpustakaan telah memberi keselesaan kepada penggunanya.

Dari segi konsepnya, hampir semua perpustakaan di Malaysia telah pun menuju ke arah digital bergantung pada tahap perlaksanaannya sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya. Kehadiran internet telah menyemarakkan lagi fungsi perpustakaan digital.

Di Malaysia, tidak banyak penulisan tentang perpustakaan digital, maya, elektronik dan semacamnya diabadikan dalam bentuk penerbitan buku. Kehadiran buku ini telah memberi sumbangan yang amat bermakna kepada pemahaman perlaksanaan, cabaran dan isu-isu yang berkaitan perpustakaan digital di Malaysia. Tulisan-tulisan ini bukan bersifat teori dan konsepsual semata tetapi turut memuatkan kajian-kajian yang telah dibuat di beberapa perpustakaan di Malaysia.

Bagi para pengurus maklumat, pustakawan dan pekerja-pekerja ‘maklumat’, buku ini perlu dimiliki dan menjadi bahan bacaan yang amat berguna dalam bidang kerjaya yang diceburinya.